

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 47 RABU 29HB. NOBEMBER, 1972. 1392 رابو 22 شوال PERCHUMA

ISTIADAT MEMBUKA GENDANG JAGA2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat membuka gendang jaga-jaga bagi Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, puteri kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja dengan Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Muda Abdul Kahar, akan di-adakan di-Lapau Bandar Seri Begawan pada hari Khamis 7hb. Disember jam 9:00 pagi.

Istiadat bersanding mempe-
lai Diraja akan di-langsungkan
di-Istana Darul Hana pada
hari Sabtu 16hb. Disember.

Murid2 terbaik dalam pereksa masuk ka-Sek.

Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohamed Rozan bin Mat Yunos dari Sekolah Melayu Datu Mahawangsa Lambak dan Awang Abdul Aziz bin Mat Yusof dari Sekolah Melayu Pusu Ulak ada-lah di-antara murid2 yang terbaik sekali masing2 menda-
pat markah 87% dalam pepe-
reksaan chalun ka-Sekolah2
Persediaan Inggeris Kerajaan
bagi tahun 1973.

Awang Aspar bin Omar dan
Awang Shahed bin Omar ke-
dua2-nya dari Sekolah Melayu
Lela Menchanai jatuh di-tem-
pat kedua dengan markah
84.6% dan Awang Anuar bin
Isa dari Sekolah Melayu Haji
Mohamed Salleh, Sungai Han-
ching di-tempat ketiga dengan
markah 83.6%.

(Lihat muka 8)


Tuan Gould Briggs di-lantek menjadi Pesurohjaya Mahkamah Besar Negeri Brunei

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Per-
tuan Negeri Brunei telah
menganugerahkan sura t
lantekan kapada Tuan
Geoffrey Gould Briggs
menjadi Pesurohjaya Mah-
kamah Besar Negeri Brunei
dalam satu Istiadat yang
telah di-adakan di-Istana
Darul Hana pada hari Is-
nin lepas.

Istiadat menganugerah-

kan surat lantekan itu telah
di-saksikan oleh Tuan Yang
Terutama Pesurohjaya
Tinggi British di-Brunei,
Dato Laila Utama Peter
Gautrey, Yang Teramat
Mulia Seri Paduka Duli
Pengiran Perdana Wazir
Sahibol Himmah Wal-Wa-
qar Muda Mohamed Bol-
kiah; Penasehat Umum
kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Bagin-
da Sultan dan Yang Di-Per-
tuan, Yang Teramat Ber-

hormat Pehin Orang Kaya
Laila Setia Bakti Diraja
Dato Seri Laila Utama
Awang Isa; Pemangku
Menteri Besar, Yang Amat
Mulia Pengiran Dipa Ne-
gara Pengiran Momin bin
Pengiran Haji Ismail; Yang
Teramat Mulia Seri Padu-
ka Duli2 Wazir, Yang
Amat Mulia Cheteria2 dan
Pemangku Setia Usaha
Kerajaan, Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Mat-
nor MacAfee.



GAMBAR atas menunjok-
kan Sheikh Mohammad
bin Sheikh Salleh (kanan) se-
dang menyampaikan cek
yang bernilai \$500.00 kapada
Yang Di-Muliakan Pehin
Orang Kaya Udana Laila
Awang Hussein, selaku Pen-
gerusi Jawatankuasa Tabong
Pembinaan Stadium bagi
orang perseorangan yang telah
di-adakan di-Dewan Bahasa
dan Pustaka pada hari Sabtu
lepas.

Cek itu kemudian-nya di-
serahkan kapada Setia Usaha

Agong Jawatankuasa Kerja
Tabong Pembinaan Stadium,
Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Amar Diraja Dato Seri
Utama (Dr.) Haji Moham-
mad Jamil Al-Sufri (di-ten-
gah2).

Derma Sheikh Mohammad
itu ada-lah sa-bagai permula-
an yang mana derma sa-rupa
itu akan di-ikuti sa-lama dua
tahun berturut2.

Derma Sheikh Mohammad
itu juga ada-lah merupakan
derma yang kedua di-terima
dari orang perseorangan.

Pmk. M.B. akan rasmikan

Majlis Cheramah

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Pemangku Menteri Besar,
Yang Amat Mulia Pengiran
Dipa Negara Pengiran Momin
bin Pengiran Haji Ismail akan
merasmikan pembukaan Maj-
lis Perbinchangan Pemimpin2
Belia di-Pusat Belia Bandar
Seri Begawan pada hari Ju-
maat 1hb. Disember jam 8.45
pagi.

Di-Majlis Perbinchangan
itu, Pesurohjaya Kebajikan,
Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Laila Wangsa Dato Pa-
duka Awang Salleh bin Haji
Masri akan menyampaikan
cheramah khas mengenai Tu-
gas2 Jabatan Kebajikan Ma-
sharakat terhadap masharakat
dan negara.

Yang Berhormat Dato Pa-
duka Awang Haji Abdul Aziz
akan menyampaikan cher-
amah mengenai Pentadbiran
Negara dan Peranan Belia
mengenai-nya.

Timbalan Pesurohjaya Pu-
lis Yang Amat Mulia Pengiran
Setia Raja Pengiran Jaya bin
Pengiran Haji Rajid akan
menyampaikan cheramah me-

(Lihat muka 8)

Ketetapan penggal persekolahan sekolah2 dan maktab2 bagi tahun 1973

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah menetapkan penggal persekolahan bagi semua sekolah2 dan maktab2 dalam tahun 1973.

Saperti tahun2 yang sudah, penggal persekolahan akan di-bahagikan kepada tiga penggal.

Penggal Pertama bagi tahun depan akan bermula dari 4hb. Januari dan akan berakhir pada 12hb. April. Penggal Kedua akan bermula pada 23hb. April dan berakhir pada 1hb. Ogos. Manakala Penggal Ketiga akan di-bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan bermula pada 8hb. Ogos dan berakhir pada 25hb. September dan bahagian kedua akan bermula pada 5hb. Nobember dan berakhir pada 20hb. Disember.

Sa-buah kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa disamping hari2 kelepasan penggal, semua sekolah2 dan maktab2 juga akan menekmati hari2 kelepasan awam yang di-tetapkan oleh kerajaan yang jatuh dalam masa penggal persekolahan.

Sa-lain dari hari2 kelepasan penggal dan hari2 kelepasan awam, semua sekolah dan maktab2 akan di-beri satu hari kelepasan khas pada satu tarikh yang di-chadangkan sendiri oleh Pengetua atau Guru Besar. Permohonan

untuk mendapatkan kebenaran bagi hari kelepasan khas itu hendaklah di-buat kepada Pengarah Pelajaran sekurang2nya dua minggu sebelum tarikh yang di-chadangkan itu.


Bagaimana pun hari2 kelepasan tambahan untuk sukan2 daerah tidak akan di-benarkan pada tahun depan.

Meninjau JPP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan 26 orang anggota platoon semboyan Askar Melayu Diraja Brunei telah melawat ke-Jabatan Pemyiaran dan Penerangan pada minggu lalu sa-bagai sa-bahagian dari lawatan sambil belajar.

Rombongan tersebut telah di-bawa melawat ke-berbagai bahagian dalam jabatan itu dan juga di-berikan penerangan mengenai semua aspek perkhidmatan jabatan tersebut.

Rombongan itu di-ketuai oleh Staff Sergeant Mohamed Jafar bin Haji Jeludin.



1,560 orang murid berjaya masok ka-Tingkatan Satu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,560 orang dari 2,766 orang murid lulus masok ke-sekolah2 menengah Inggeris kerajaan dan Misi Tingkatan Satu seluruh negeri awal tahun depan.

Peperiksaan itu telah diadakan baru2 ini di-17 buah pusat dan keputusan-nya menunjukkan 56.5 peratus yang lulus.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, Awang Abu Bakar bin Abdul Ghafar dari maktab Anthony Abell Seria ada-lah diantara penuntut yang terbaik sekali dalam peperiksaan itu dengan mendapat markah 90 peratus.

Awang V.P. Madhaven dari sekolah Saint Michael Seria mendapat tempat kedua dengan markah-nya 86.6 peratus sementara Dayang Hasnah binte Ibrahim dari sekolah persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan tempat ketiga dengan makah-nya 84.3 peratus.

Sekolah Saint Angela Seria ada-lah merupakan sekolah yang ramai penuntut-nya lulus dalam peperiksaan itu, 92 yang mengambil peperiksaan 88 daripada-nya lulus dan markah yang di-perolehi ia-lah bersamaan 95.6 peratus.

Empat puluh enam orang dari Sekolah Saint Michael Seria, 43 lulus dan mendapat 93.5 peratus dan 57 dari Sekolah Saint George's Bandar Seri Begawan 44 lulus dengan mendapat markah 77.2 peratus.

Lebeh \$24,000 dari hasil penjualan setem

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari \$24,000.00 telah perolehi dari hasil penjualan setem2 khas dan sampel surat hari pertama kerana memperingati ulang tahun ke-25 hari perkahwinan Diraja yang telah di-jual di-semua pejabat pos di-negeri ini pada minggu lalu.

Sa-banyak 19,521 keping setem berharga 75 sen dan 36,380 keping yang berharga 12 sen telah di-jual. Jumlah itu juga termasuk penjualan tama.

Setem2 itu akan terus di-jual sa-lama tiga bulan atau hingga ia-nya habis dalam simpanan.

Sementara itu sa-jumlah 31,365 keping setem Memperingati Pembukaan Rasmi Muzeum Angkatan Udara Diraja di-United Kingdom telah di-jual pada 15hb. Nobember lalu. Sa-banyak 18,175 keping setem berharga 25 sen telah di-jual.

Sa-banyak 7,468 sampul surat hari pertama bagi setem2 itu juga telah di-jual pada hari itu.

Gambar atas menunjukkan suasana di Pejabat Besar Pos Bandar Seri Begawan ketika penjualan setem2 itu.

748 orang masok pereksa Bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 748 orang pelajar2 dewasa termasuk 237 orang perempuan akan mengambil peperiksaan Bahasa Inggeris selama tiga hari mulai 4hb. Disember ini di-26 buah Pusat2 peperiksaan diseluruh negeri.

Sa-ramai 167 orang akan mengambil peperiksaan Primary Dua, 222 orang primary empat, 156 orang primary enam, 133 orang tingkatan satu dan 70 orang tingkatan dua.

Peperiksaan Primary dua akan di-adakan pada hari Isnin 4hb. Disember dari jam 5.30 petang hingga 7.00 malam, Primary empat dan enam pada hari Selasa 5hb. Disember dari jam 5.30 petang hingga 7.00 malam, Primary empat dan enam pada hari Selasa 5hb. Disember dari jam 5.30 petang hingga 7.00 malam, tingkatan satu dan tingkatan dua akan di-adakan pa-

da hari Rabu 6hb. Disember dari jam 5.30 petang hingga 8.30 malam.

Peperiksaan lisan bagi primary dua, empat dan enam dan tingkatan satu dan dua telah di-jalankan selama tiga hari berturut2 mulai 27hb. Nobember ini di-sekolah masing2.

Peperiksaan itu di-anjorkan oleh Japatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sekolah di-perbesar

TEMBURONG. — Kerajaan mempelawa tawaran bagi pembeanaan bilek2 darjah, rumah2 guru dan lain2 kerja untuk sekolah Melayu Bokok di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, tawaran ini ada-lah sa-bagai tambahan ka-atas sekolah yang ada sekarang. Tawaran itu ia-lah bagi pembinaan lima buah bilek darjah, satu blok dua unit rumah untuk guru2 dan sa-buah blok tempat memasak.

Pada masa ini sekolah tersebut mempunyai empat bilek darjah.

SA-BAGAIMANA dalam urusan yang bersangkutan dengan ibadat, Nabi Mohammad s.a.w. telah menganjurkan supaya kita umat Islam patoh dan mengerjakan-nya dengan bersungguh2, demikian pula dalam urusan "bekerja dan mempertinggi chita2" untuk kebaikan dan kemakmoran hidup kita di-dunia in Baginda telah menganjurkan dan menggalakkan supaya umat-nya bersungguh2 dalam urusan itu.

Di-sisi Ugama Islam kedua2 urusan itu ada-lah sama2 penting dan kedua-nya tidak-lah boleh di-abaiakan jika umat Islam berkehendakan kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat. Nabi Mohammad s.a.w. selalu menggalakkan umat-nya supaya bergiat dalam sa-barang usaha dan pekerjaan yang berkebakikan dan memuji2 orang yang kuat bekerja untuk dunia dengan tidak melupakan akhirat-nya.

Dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Orang2 mu'min yang kuat itu lebeh baik dan lebeh di-kasehi Allah daripada orang2 mu'min yang lemah dan pada masing2-nya itu ada kebaikan-nya. Bersungguh2-lah atas sa-suatu yang akan memberi faedah kepada-mu dan mohon-lah bantuan Allah. Jangan engkau lemah (menghadapi sa-suatu usaha). Jika menimpa kepada-mu sa-suatu bahaya jangan-lah engkau berkata: "Kalau sekira-nya ku-buat bagini tentu jadi-nya bagini", tetapi katakan-lah: "Ya, sudah takdir Allah apa yang di-kehendaki-nya tetap berlaku, kerana kata2 "kalau2" itu membukakan pekerjaan shaitan".

Daripada hadith tersebut jelas-lah kepada kita bahawa orang mu'min yang kuat, ia-itu kuat bekerja, kuat kemahuan, kuat semangat dan kuat chita2-nya di-dalam bekerja dan beramal menjunjung titah perintah Allah, ada-lah merupakan orang mu'min yang mendapat kedudukan yang lebeh baik dan lebeh di-kasehni Allah daripada orang mu'min yang lemahbekerja, lemah kemahuan dan semangat bekerja di-jalan Allah. Betul pada kedua2-nya ada kebaikan-nya sa-bagaimana sabda Nabi, sebab orang yang berkemahuan lemah itu mah bekerja, lemah kemahuan sedangkan iman itu tetap-lah ia sa-bagai suatu kebaikan, itu-lah sebab-nya Nabi mengatakan bahawa "pada masing2 itu ada kebaikan-nya".

Keterangan Nabi s.a.w. tentang kelebihan orang2

KESUNGGOHAN BEKERJA DAN MEMPERTINGGI CHITA2 MEMANG DI-GALAKKAN



KHUTBAH JUMA'AT

"Sa-tiap orang mesti menanamkan kemahuan dan chita2 untuk mendapatkan sara hidup dalam apa jua pekerjaan yang di-redhai"

mu'min yang kuat ini dapat kita tinjau, misalan-nya seperti sa-orang petani yang mengerjakan sawah-nya yang 'luas' itu. Dia mengerjakan dengan rajin dan bersungguh2, tahan berpanas dan berlumpur, rumput2 yang panjang di-hapuskan dengan rachun rumput, keseboran-nya ditambah dengan penggunaan baja dan sa-bagai-nya. Menurut lazim-nya sawah padi yang di-usahakan seperti itu akan lebeh subur tanamannya dan lebeh banyak hasil-nya. Maka petani yang seperti itu tentu-lah lebeh baik daripada sa-orang petani yang kurang rajin dan kurang bersungguh2 dalam mengerjakan sawah padi-nya yang mana tentu sahaja hasil pendapatan-nya akan kurang dan tidak memuaskan.

Demikian juga-lah dalam beramal dan bekerja di-jalan Allah, siapa2 yang lebeh kuat dan banyak amalan-nya, maka ia-lah yang lebeh baik dan lebeh di-kasehi Allah di-akhirat kelak, asal sahaja kegiatan dan amal kebajikan-nya itu di-lakukan sa-mata2 ikhlas kerana Allah.

Pengajaran hadith tadi nampak-nya kurang mendapat tempat di-kalangan sabahagian umat Islam kita pada hari ini, sebab itu tidak hairan-lah kita sekarang berhadapan dengan masalah pengangguran di-kalangan belia2 kita. Kalau belia2 kita menyedari akan arti dan kehendak di-atas tentu-lah sabahagian besar dari mereka tidak akan membiarkan diri masing2 menganggur tanpa membuat sa-barang pekerjaan yang boleh menghasilkan pendapatan. Sifat hanya mengintai peluang bekerja di-jabatan2 kerajaan sa-mata2 dan menggantungkan harapan kepada ibu-bapa untuk menyara hidup, belia2 kita tentu-lah tidak akan menolong meng-

atasi masaalah tersebut. Bahkan sa-tiap orang mesti-lah menanamkan kemahuan yang kuat dan chita2 yang tinggi untuk bekerja dan mendapatkan sara hidup yang lumayan dalam apa jua lapangan pekerjaan yang berfaedah dan di-redhai Tuhan. Sabda Nabi: "Jangan engkau lemah (menghadapi sa-suatu usaha) Patut-lah menjadi pegangan utama umat Islam dalam mencari kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Chogan-kata di-bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan memasang lampu bergendar dengan chogan-kata "Menderma-lah Kepada Tabong Pembinaan Stadium" di-atas Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei.

Langkah ini di-ambil oleh Persekutuan tersebut untuk menyahut permintaan Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium yang meminta kepada beberapa pengurus bangunan2 tinggi di-negeri ini untuk memasang chogan-kata tersebut samada dengan menggunakan lampu mentol atau lampu neon.

Juruchapak Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium berkata bahawa tujuan pemasangan chogan-kata itu ia-lah untuk menggalakkan orang-ramai di-negeri ini menderama kepada Tabong Pembinaan Stadium yang sedang giat di-lancarkan sekarang.

Empat di-chalunkan untuk Ketua Kampong Mata-Mata

GADONG. — Penduduk2 di-Kampong Mata-Mata, Jalan Gadong telah memilih empat orang chalun bagi jawatan sebagai Ketua Kampong di-kawasan itu.

Mereka yang di-pilih itu ialah Awang Lamit bin Untong, Awang Barudin bin Bakar, Awang Lazim bin Lakim dan Awang Haji Jamal bin Haji Pakar.

Penchalunan tersebut ia-lah

untuk memilih sa-orang Ketua Kampong bagi menggantikan bekas Ketua Kampong, Awang Mohammad bin Mail yang telah bersara.

Penchalunan itu telah di-adakan di-Balai Raya Kampong Mata-Mata dan di-pengerusiakan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29hb. Nobember, 1972 hingga ka-hari Selasa 5hb. Disember, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
29hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
30hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
1hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
2hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
3hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
4hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
5hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(29hb. November, 1972)

TAMAN ASOHAN KANAK2

DALAM minggu lepas sa-bilangan besar penduduk negeri ini mula mengenali lebeh dekat tentang ada-nya sa-buah taman asohan kanak2 yang di-kelolakan oleh kaum ibu di-negeri ini. Bukan tidak ada taman asohan kanak yang serupa itu, tetapi pengelolanya ada-lah tidak sama dengan yang di-kelolakan oleh kaum ibu yang terdiri dari orang2 kita itu.

Taman asohan kanak2 ini seperti yang di-ketahui oleh kebanyakan orang ia-lah merupakan satu tempat bagi anak2 kecil yang belum diterima masuk bersekolah atau pun yang berumur belum sampai ka-lima tahun. Di-sini-lah anak2 itu menjalani beberapa latihan2 yang baik sekali sebelum memasoki sekolah. Ibu bapa yang mahukan kesempurnaan anak2 mereka akan mendapatkan taman ini tidak hanya memberikan sumbangan2 yang baik untuk pertumbuhan anak2 mereka, tetapi juga memikirkan-nya sa-bagai satu tempat "mengasah anak2 menurut saikoloji alam kanak2" yang kadang2 terdapat ibubapa2 yang tidak mengetahui hal tersebut. Namun demikian, taman asohan yang serupa itu susah juga sampai kepada maksud-nya, jika tidak ada pengasoh2 yang berkemahiran tentang alam kanak2. Tetapi kita percaya bahawa taman asohan kanak2 yang di-usahakan oleh PERTIWI itu mempunyai keperluan2 tersebut.

Kelelahan2 yang dapat di-timbulkan dari taman asohan kanak2 anjoran PERTIWI itu yang dapat di-pandang ia-lah tentang kesenangan anak2 kita (orang2 Brunei) menerima di-dekan2 yang di-berikan dari taman tersebut. Kaum ibu yang mengelolakan taman itu ada-lah mengetahui "kesikapan" anak2 kita. Dengan hal yang demikian, masalah yang timbul oleh anak2 kecil itu akan dapat di-atasi. Soal bahasa untuk menyayorkan satu2 mata pelajaran seperti dan sa-umpamanya tidak-lah menimbulkan kerumitan, kerana pengasoh2 itu di-yakini merasa senang menggunakan bahasa penuturan orang2 Brunei sama seperti ibu2 anak2 itu berchakap dengan anak2 mereka sa-waktu berada di-rumah.

Satu kebaikan lagi ia-lah tentang daya usaha dari kaum ibu sendiri yang sadar akan tanggung-jawab mereka dengan menyumbangkan jasa sa-jauh mana yang dapat mereka lakukan.

Kita tidak-lah bertujuan untuk meng'iklankan taman itu, tetapi kita rasa ada-lah jalan yang baik bagi kita menghargakan daya usaha kaum ibu kita itu, lebeh2 lagi memandang kepada sudut sumbangan mereka terhadap pertumbuhan anak2 kita.

Kerajaan sendiri memang mengalu2kan daya usaha yang berfaedah seperti itu. Maka sa-memangnya kita menghargakan taman itu akan dapat berjalan terus menerus di-samping mengharapakan PERTIWI akan melipat-gandakan usahanya dalam bidang tersebut.



Sa-waktu berada di-Bukit Sawat, Baginda telah di-alu2kan sa-kadar yang terdaya oleh penduduk2 di-situ. Sa-lain dari itu Baginda juga telah mendengar ikrar taat setia dari penduduk2 dan menerima chenderamata yang berupa mariam tembaga dan tandok rusa. Gambar atas kelihatan Baginda dengan di-bantu oleh Y.A.M. Pengiran Sangamara Diraja ketika menerima chenderamata mariam tembaga itu.

Dari Bukit Sawat, Baginda dan rombongan berangkat ka-Labi dimana Baginda di-ra'ikan dengan meriah-nya. Di-Labi, Baginda telah juga melawat ka-Balai Pulis yang baru di-bina di-Labi dan Baginda telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, Dato V.E. Pike.




Kanak2 sekolah di-Labi tidak juga melepaskan peluang untuk menziarahi Baginda. Baginda memberikan layanan yang baik kepada anak2 itu yang bakal menjadi raayat yang berguna di-masa hadapan. Gambar atas menunjukkan ketika Baginda di-ziarahi oleh kanak2 sekolah sambil di-iringkan oleh Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar (di-kanan Baginda).



Di-Balai Raya di-Labi penduduk2 kampung yang terdiri dari orang2 tua dan pemimpin2 di-Kampung itu telah berhimpun untuk menyambut keberangkatan Baginda. Baginda juga dengan mesera telah menyambut hajat penduduk2 di-situ untuk berziarah kepada Baginda yang hampir keseluruhan penduduk di-situ tidak dapat ka-Istana sa-waktu Hari Raya yang lalu.

SUATU KELAZIMAN YANG TURUN TEMURUN YANG MERAPATKAN BAGINDA DAN RAAAYAT



Di-rumah panjang Rampayoh, Baginda telah di-ambur dengan adat orang Iban ketika meng-kepala negara. Orang2 Iban di-situ telah alu2kan kedatangan orang2 kenamaan. Gambar atas menunjukkan ketika Baginda menyembahkan chenderamata kain tenunan menerima chenderamata tersebut.

TELAH menjadi kelaziman kepada Sultan2 yang memerintah Negeri Brunei bahawa mengunjongi raayat ada-lah menjadi satu perkara yang perlu. Kelaziman ini ternyata tidak dapat di-pengaruhi oleh sa-barang sistem yang baru di-timbulkan yang di-sebahagian negara2 yang bersultan mengkehendaki atau menasihatkan Raja supaya tidak berbuat demikian memandang kepada segi2 keselamatan. Dari segi pemikiran moden pun, banyak yang berpendapat bahawa chara yang demikian ada lojek-nya, tetapi pemikiran2 itu tidak dapat menjejaskan kebiasaan atau kelaziman yang di-lakukan oleh Sultan2 yang kaseh-nya terhadap raayat telah menjadi darah daging-nya. Soal keselamatan bukan tidak timbul, tetapi di-dasarkan kepada keadaan raayat, maka soal itu di-kirakan jatuh kepada perkara yang kedua. Bagi negara2 yang bersultan di-mana raayat-nya terdapat keadaan2 yang tidak stibal, barang kali ada baik-nya sistem yang tersebut di-atas itu di-praktikan. Hal ini harus ada terjadi di-negara2 yang bersultan itu.

Di-negeri ini keadaan yang tidak stibal itu dapat-lah di-katakan belum teriumpa lagi. Suasana harmoni masih tetap tegoh, bahkan semakin meluas yang tidak hanya

Di-Balai Raya Labi juga Baginda telah mendengar sembah ucapan taat setia penduduk2 di-situ. Gambar kiri menunjukkan wakil2 penduduk2 di-kampung itu ketika merafakkan sembah ucapan tersebut. Kemudian-nya penduduk2 di-situ juga mempersembahkan chenderamata sa-puchok meriam tembaga.

di-bandar2, bahkan di-kampung2 pendalaman yang bagitu jauh letak-nya dari Istana Darul Hana. Keadaan ini lahir dan chukup nyata ada-lah dari pimpinan Raja2 Brunei yang tidak dapat meluputkan kaseh dan cinta terhadap raayat dan negara. Kerana itu semua raayat ada-lah sama2 mengechap nikmat2 yang tidak pernah terdapat di-negara2 yang lain.

Dalam masa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menjadi Raja, hubungan raayat dengan Baginda mula berchambah. Hubungan ini semakin rapat sa-hingga menjadi ibarat seperti isi dengan kuku. Keadaan ini lahir ada-lah dari inisiatif Baginda yang luar biasa yang mana tidak hanya memerintahkan supaya diperhebatkan perkembangan2 negara dalam beranek jurusan sa-hingga Baginda di-gelar sa-bagai akitik Brunei moden, tetapi juga Baginda sendiri dapat memperhebatkan kedudukan raayat dalam berbagai lapangan yang mana menjadikan Baginda di-sayangi. Baginda ada-lah sa-orang Raja yang bagitu banyak sekali menjelajah keseluruhan pelusok tanah ayer dengan terpaksa menghadapi beberapa kesukaran perjalanan, kerana pada waktu2 itu belum ada alat2 perhubungan moden.

Kaseh raayat terhadap Baginda tertunjol benar apabila berlaku-nya pengishtihaan Baginda turun dari takhta atas kerelaan hati Baginda sendiri. Seluruh pelusok tanah ayer dan penduduk2-nya di-kuasai keadaan sayu dan semua raayat sa-olah2 kehilangan tenaga. Tetapi keadaan itu tidak berpanjangan dan dapat di-ubati oleh Baginda sendiri apabila berlaku perlantikan putera Baginda menjadi Raja bagi menggantikan Baginda.

Keadaan itu kukuh semula dan kelaziman yang di-lakukan Baginda itu turun kepada putera Baginda, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Tidak likau lagi bahawa pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Sir Muda Hassanah Bolkiah "macham di-tuang di-salin" dengan pimpinan Paduka Ayahanda Baginda.

Hubungan2 Baginda dengan raayat bagitu rapat dan Baginda gemar mengadakan beberapa tinjauan sa-chara dekat akan kedudukan raayat Baginda termasuk yang di-pendalaman.

pada hari Khamis 16hb. Nobember yang lalu, Baginda telah berangkat ka-empat buah kampung di-Ulu Belait. Baginda dan rombongan menaiki pesawat helikopter AMDB dan tempat yang pertama di-lawati Baginda ia-lah Bukit Sawat dan kemudian-nya ka-Labi. Dari Labi Baginda dan rombongan berjalan kaki sa-jauh 4 batu ka-sabua rumah panjang di-Rampayoh dan akhir-nya Baginda berangkat pula ka-Kuala Belait.

Gambar2 di-halaman ini ia-lah sa-waktu Baginda melawat ka-kampung2 tersebut.



Penduduk2 di-Labi yang berhimpun kelihatan sedang menziarahi Baginda. Baginda menyambut baik keadaan itu yang bukan hanya ketika di-ziarahi oleh ibu bapa, bahkan juga anak2. (Lihat gambar atas).



Dari Labi, Baginda dan rombongan berjalan kaki sa-jauh empat batu untuk sampai ka-sabua rumah panjang di-Kampung Rampayoh yang penduduk2-nya terdiri dari Puak Iban. Gambar atas menunjukkan Baginda dengan pakaian yang basah kuyup kerana peloh akibat berjalan bagitu jauh bersama2 dengan rombongan dan pengiring2 Baginda di-alu2kan dengan ngajat dan paku gulintangan ketika sampai di-pekarangan rumah panjang itu.



Di-rumah panjang di-Rampayoh, Baginda telah juga menanda-tangani buku lawatan di-rumah panjang itu seperti yang kelihatan dalam gambar ini.

Di-denda kerana masuk sa-chara haram

KUALA BELAIT. — Mahkamah Kuala Belait telah mendenda enam orang Iban sa-telah mereka mengaku salah atas tuduhan tinggal dalam negeri ini sa-chara haram sa-telah pas2 lawatan mereka mansoh.

Ka-enam orang itu ia-lah Isau anak Bira, di-denda \$80.00 atau sabulan penjara, Achon anak Antin, Lanok anak Ugah dan Mangi anak Chil masing2 di-denda \$50.00 atau dua minggu penjara. Unpau anak Ukan di-denda \$40.00 atau dua minggu penjara dan Awang anak Kampit di-denda \$35.00 atau lima hari penjara.

Sa-orang lagi Iban, Jaludai anak Amu telah di-denda \$20.00 kerana masuk ka-negeri ini tanpa mempunyai surat kebenaran yang sah.



Ahli2J/K baru Kelab Motor Di-raja

SERIA. — Kelab Motor Di-raja Negeri Brunei telah mengadakan meshuarat agong tahun-nya baru2 ini di-Seria untuk melantek ahli2 jawatan-kuasa baru bagi tahun 1973.

Meshuarat tersebut dengan sa-bulat suara telah melantek semula Awang Chris Lammers sa-bagai Yang Di-Pertua-nya.

Pegawai2 lain yang di-lantek ia-lah, Naib Yang Di-Pertua, Awang Mohammad Freddie Chong; Setia Usaha Kehormat, Dayang Noel Buse; Bendahari Kehormat, Awang A. Bennett dan Setia Usaha Sosial Kehormat, Awang R. Sipkens.

Awang S. Crocker telah dilantek sa-bagai Setia Usaha Perlumbaan bagi kereta; Awang G. Warmelink sa-bagai Setia Usaha Perlumbaan bagi

go-kart dan Awang C.G. Foster sa-bagai Setia Usaha Perlumbaan bagi motosikal.

Meshuarat itu juga melantek Awang R. Foo sa-bagai Setia Usaha Kehormat Chatetan; Awang J. Will sa-bagai Wakil Berakas dan Awang K. Johnson sa-bagai Wakil Bandar Seri Begawan.

MATI AKIBAT KEMALANGAN

SERIA. — Mosidi bin Hussein berumur 22 tahun telah terbunuh apabila moto-sikal yang di-tunggang-nya terlibat dalam satu kemalangan dengan sa-buah kereta di-jalan besar dekat Steshen Tenaga Letrik Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria pada minggu lalu.

Mosidi, sa-orang pekerja di-Sharikat Minyak Shell Brunei telah meninggal dunia empat jam sa-lepas kemalangan itu.

Keputusan Perlumbaan Kereta

BERAKAS. — Kelab Motor Di-raja Brunei telah mengadakan satu perlumbaan mendaki bukit bagi kereta2, go-kart dan motorsikal di-Perkhemahan Berakas pada hari Ahad lepas.

Sa-banyak 18 buah kereta, 6 go-kart dan 6 motorsikal telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut. Keputusan2 perlumbaan ada-lah saperti berikut:

Bagi kereta2 GT: Pertama — Haji Abdullah; kedua — Abdul Aziz dan ketiga — Awangku Idris.

Kereta2 saloon di-bawah 1300 c.c.: Pertama — Nelson Yong; kedua — Terry Teoh dan ketiga — G. Foster.

Kereta saloon ka-atas 1300 c.c.: Pertama — Lai Nyuk Choi; kedua — Cheong Huat Seng dan ketiga — Kwa Fong.

Kereta2 sport: Pertama — R. Foo dan kedua — Chris Lammers.

Dalam perlumbaan bahagian wanita: Pertama — Diette Jufferman dan kedua — Elizabeth Lee.

Perlumbaan go-kart: Pertama — Eric Vennel; kedua — Yunos Haji Tuddin dan ketiga — John Hill.

Perlumbaan motorsikal: Pertama — Steve Crocker; kedua — Graham Roster dan ketiga — R.

Ascone.

Gambar bawah menunjukkan Haji Abdullah dengan memandu kereta-nya jenis Ford Capri GT yang telah mendapat tempat pertama dalam bahagian kereta2 GT.



BARU2 ini telah di-adakan satu pemilehan bagi chalun2 Bintang Radio 1972 bagi Daerah Brunei/Muara & Temburong dan bagi Daerah Belait. Sa-ramai lebih dari 200 orang telah mendaftarkan nama untuk memasuki pertandingan itu yang datang-nya dari seluruh daerah. Pertandingan akhir Bintang Radio di-jangka akan di-jalankan pada 23hb. Disember, 1972 bertempat di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Bagi peserta2 di-Daerah Tutong, satu pemilehan akan di-jalankan pada 1hb. Disember, 1972 bertempat di-Steshen Pemanchar, Tutong. Chalun2 di-daerah itu, ada-lah di-kehendaki hadir sa-waktu pemilehan di-jalankan. Chalun2 yang tidak hadir akan di-kira menarek diri dari masuk bertanding.

Gambar atas ia-lah sa-bahagian dari para peserta wanita dari Kawasan Belait/Seria sedang menantikan giliran masing2 untuk pemilehan bagi menentukan peserta yang akan di-pilih ka-pertandingan akhir nanti. Manakala gambar kanan sa-orang peserta lelaki sedang mengalukan suara-nya dalam pertandingan pemilehan.



JAWATAN KOSONG:

Sa-bagai Operetor Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Operetor Tingkat II (Talipon) di-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei.

Kelayakan2:

- Mesti-lah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu;
- Keutamaan akan di-beri kapada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 — \$220x10-290.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN DAERAH TEMBURONG

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Daerah, Temburong, Brunei.

1. JURU MESHIN TINGKAT I (1 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mem-

Sa-bagai Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Chalon2 yang di-lantek mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji Permulaan - bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

punyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. MANDOR (1 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 30 tahun.
- Hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.
- Pemohon2 mesti-lah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama lima tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 11hb. Disember, 1972.

Kursus "City and Guilds" di-Sekolah Pertukangan K.B.

Satu kursus "City and Guilds" yang baru akan bermula dalam bulan Januari, 1973 bertempat di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Pemohon2 hendak-lah dari raayat Brunei dan mesti-lah telah lulus peperiksaan L.C.E. atau S.R.P. Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang telah mendapat kelulusan yang baik dalam peperiksaan2 ini,

Sa-bagai Pelateh Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

1. PELATEH TEKNIK: (10 kekosongan)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 hingga 21 tahun.
- Mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Sijil 'Am Pelajaran 'O' Level dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris.

Chalon2 yang akan menduduki peperiksaan S.P.M. pada bulan Nohember-Disember 1972 dalam matapelajaran2 yang tersebut di-atas boleh-lah juga memohon tetapi mereka hanya akan di-terima sekira-nya mereka men-chapai darjah kelulusan yang di-kehendaki.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak \$290.00 sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — (\$290 - 350).

Chalon2 yang berjaya akan di-beri latehan sa-lama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang

laut. Sa-sudah berjaya menamatkan latehan ini chalon2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan \$490.00 sa-bulan. Chalon2 yang tidak berjaya menamatkan latehan dua tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — \$290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 11hb. Disember, 1972.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

di-jangka tinggal di-asrama sekolah.

Borang2 permohonan T1/E dan T3/E boleh di-dapati dari Pengetua, Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Peti Surat 63, Kuala Belait. Kedua2 borang apabila telah di-isi hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Disember, 1972.

Pengetua2 dan Guru2 Besar sekolah2 ada-lah di-pinta untuk membuat pengumuman mengenai kursus ini.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Penggunaan hanya di-hadkan kepada penumpang2

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Penerbangan Awam merasa dukachita bahawa ada-lah perlu untuk menghadkan pengguna'an bangunan terminal sementara di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei hanya kepada penumpang2 kapalterbang yang tiba dan berlepas sahaja.

Bangunan terminal tersebut ada-lah tidak mencukupi besar untuk membolehkan sahabat2 dan saudara mara penumpang2 masuk ka-terminal itu sama ada untuk menemui penumpang2 atau menghantar mereka berlepas. Kesesakan dalam bangunan terminal itu menggurangkan kecekapan perkhidmatan kepada penumpang2 dan menyebabkan kekeliruan dan kelambatan.

Sa-buah tempat untuk menunggu, dengan tempat duduk di-sediakan bagi orang ramai di-luar bangunan terminal itu, dan minuman2 sejok boleh di-beli.

Langkah2 sedang di-buat dalam bangunan terminal itu untuk mencheptakan lagi pergerakan penumpang2 yang tiba melalui kawasan Kastam.

Penumpang2 mungkin akan di-minta supaya menunjukkan tiket2 kapalterbang mereka apabila masuk ka-bangunan terminal itu.

MAJLIS CHERAMAH

(Dari muka 1)

ngenai Keselamatan/bahaya ganja dan madat terhadap belia dan masharakat. Cheramah itu akan di-sampaikan oleh Inspektor Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail.

Wakil2 dari lebih 40 buah pertubohan belia dan Kebajikan dari seluruh negeri akan menghadhiri Majlis Cheramah tersebut.



SATU pemilehan bagi chalun2 Bintang Radio bagi Daerah Brunei-Muara telah di-adakan di-studio Radio Brunei baru2 ini. Pemilehan tersebut ada-lah bagi menentukan peserta2 yang akan bertanding ka-perengkat seluruh negeri yang akan di-adakan pada 23hb. Disember hadapan. Gambar atas menunjukan sa-bahagian dari peserta2 lelaki ketika menunggu giliran untuk menjalani pemilehan.

Lebih \$3,000 dari hasil penjualan Bunga Poppy

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sa-jumlah \$3,002.71 telah di-perolehi dalam penjualan Bunga Poppy yang telah di-adakan di-negeri ini. Jumlah ini termasuk-lah sa-banyak \$301.05 yang telah di-kumpulkan di-Gereja Saint Andrews, Bandar Seri Begawan semasa upacara sembahayang Peringatan pada 12hb. Nohember yang lalu.

Pertubohan Bekas Anggota Tentera Negeri Brunei yang menganjorkan penjualan Bunga2 Poppy tahun ini mengucapkan terima kaseh kepada semua mereka yang menolong dengan sukarela dalam kempen penjualan tersebut dan melahirkan penghargaan mereka terhadap sukongan2 yang di-berikan oleh orang awam kepada kempen tersebut.

Di-satu meshuarat jawatan-kuasa penyelenggara Pertubuhan itu tidak berapa lama lagi, keputusan akan di-buat berkenaan dengan berapa ba-

nyak yang akan di-hantar kepada Ibu Pejabat Bekas Anggota Tentera Komanwel British.

Derma tersebut di-gunakan bagi faedah dan kebajikan dan bagi bantuan kepada orang2 yang telah berkhidmat dan tanggungan mereka di-seluruh Komanwel termasuk Brunei.

Yang Di-Pertua Tertinggi Bekas Anggota Tentera Komanwel itu ia-lah Lord Louis Mountbatten. Beliau pernah melawat Brunei dalam tahun ini bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II.

MURID TERBAIK

(Dari muka 1)

Dayang Norzalinah binte Awang Ering dari Sekolah Melayu Haji Mohamed Salleh Sungai Hanching ada-lah diantara penuntut2 perempuan yang terbaik sekali dalam peperiksaan itu dengan mendapat markah 83%.

Dayangku Rosmawati binte Pengiran Metali dari Sekolah Melayu Sengkurong di-tempat kedua dengan markah 77.3% dan Dayang Fhekilwati binte Momin dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-tempat ketiga dengan markah 79%.

Sa-ramai 1,624 orang murid dari seluruh negeri telah mengambil peperiksaan tersebut baru2 ini.

Kolera: Brunei buka langkah jaga2

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pihak berkuasa Sabah telah mengisahkan kejadian penyakit taun di-Kota Kinabalu dan Papar.

Untuk mengelakkan penyakit itu dari merebak ka-negeri ini, Pegawai Kesihatan telah menyeru orang ramai supaya melaksanakan langkah berjaga2.

Orang ramai hendak-lah menjaga kebersihan kesihatan ia-itu dengan tidak makan barang2 makanan yang sejok, minum ayer sejok, dan mereka hendak-lah memakan makanan yang baru di-masak dan minum ayer yang telah di-masak.

Mereka juga di-nasehatkan supaya menggunakan ayer panas bagi menchuchi pinggang mangkok terutama-nya di-kedai2 makan.

Makanan dan ayer minum serta pinggan mangkok hendak-lah di-tutup bagi menjauhkan lalat.

Orang ramai juga di-nasehatkan supaya tidak membeli ice-cream, satay dan lain2 makanan dari penjaja2 yang tidak berlesen. Sampah sarap hendak-lah di-tanam atau dibakar.

MESHUARAT KETUA2 KAMPONG

ADA-LAH di-maalomkan kepada semua Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Tuai2 Rumah Panjang Daerah Tutong, supaya hadir ka-Bilek Persidangan Daerah Tutong pada 29hb. Nohember, 1972 jam 2.00 petang kerana mengadakan satu meshuarat Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Tuai2 Rumah Panjang.

Kehadhiran Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Tuai2 Rumah Panjang itu ada-lah sangat2 diharapkan.



Persatuan Pengakap Daerah Tutong telah mengadakan satu majlis bagi meraikan bekas Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh baru2 ini.

Pengiran Dato Paduka Othman ada-lah menjadi Penaong Persatuan Pengakap Daerah Tutong sa-masa beliau menjadi Pegawai Daerah. Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari hadhirin ketika-bersalaman dengan bekas Pegawai Daerah itu dan isteri beliau.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM